

26/5/82

26 MAY 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

RENCANA PENGARANG

RABU, 26 MEI, 1982

MATLAMAT ATAU PERMAINAN POLITIK?

SEPERTI biasa, selepas kegembiraan kemenangan pilihanraya, timbul suatu tempoh gellisah dan keadaan yang tidak tentu. Parti-parti komponen Barisan Nasional yang mencapai kejayaan besar menuntut suara dan kedudukan yang lebih dalam jentera Kerajaan. Konsep bersih, cekap dan amanah menimbulkan suasana cemas dalam Perkhidmatan Awam, dengan ramalan akan berlakunya beberapa perubahan dan pertukaran besar terutama dalam jawatan-jawatan tinggi. Suasana yang sama juga malah wujud di firma-firma yang mempunyai pertalian dengan parti pemerintah.

Mempercemas lagi keadaan ini ialah kemunculan sebilangan oportunis yang tidak silu-silu menggunakan nama parti atau pucuk-pimpinan parti bagi mendesak kepentingan diri sendiri. Di peringkat parti-parti, tuntutan yang keterlaluan itu tidak dapat tidak akan mengocakkan semangat perkauman yang semakin sengit. Di dalam Per-

khidmatan Awam suasana ini menjadikan para pelaksana ragu membuat keputusan apalagai mengambil tindakan. Ia pula mencambahkan komplot-komplot dalam firma-firma yang mempunyai pertalian dengan parti pemerintah, dengan golongan oportunis cuba melagakannya untuk mencari peluang mencelaikan kepentingan diri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berkali-kali mengingatkan betapa perlunya produktiviti di semua sektor ditingkatkan bagi merangsang kemajuan negara. Keinginan melihat produktiviti yang meningkat inilah, serta manfaatnya kepada rakyat dan negara, maka kecenderungan baru menoleh ke timur itu dibangkitkan. Tetapi suasana cemas dan tidak tentu yang timbul akibat "ketamakan untuk merebut ganjaran perjuangan" seperti yang selalu ditekankan oleh Perdana Menteri itu nescaya tidak boleh membantu menghasilkan matlamat meningkatkan produktiviti

tersebut.

Keadaan begini tidak harus dibiarkan berpanjangan. Tetapi sebenarnya pula ia tidak harus timbul sekiranya setiap pihak yang berwajib memahami tanggungjawab mereka dan jelas dengan dasar-dasar serta matlamat yang hendak dicapai. Dalam soal pembentukan Jentera Kerajaan, Perdana Menteri tegas dengan persetujuan yang telah sedia dalam Barisan Nasional. Kepada pemimpin-pemimpin, tentunya juga termasuk mereka yang di dalam Perkhidmatan Awam dan lain-lain, bellau mengingatkan supaya jangan tunduk kepada tekanan dan golongan pendesak. Ini bermakna dakwaan sokongan atau arahan dari pemimpin politik tertentu oleh sesiapa pun tidak harus dilayan, kecuali terbukti sah. Dan tidak siapa pula yang perlu bimbangkan kedudukan masing-masing, kecuali mereka sendiri merasa, berpandukan penilaian prestasi masa lepas, mereka tidak menepati konsep bersih, cekap dan amanah.